



PBTPay MUDAHKAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN

PBTPay
Portal mudah & cepat untuk urusan pembayaran melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan

Kini buat pembayaran di PBT lebih mudah

Semak & Bayar
di mana-mana, pada bila-bila masa

Buat masa ini, **46 PBT** telah menggunakan PBTPay. Aplikasi ini bakal diperluas ke semua PBT yang lain.

Pada 12 Mei 2020, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Portal PBTPay secara maya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri dan juga Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha KPKT.

PBTPay merupakan portal yang dibangunkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan bagi membolehkan pembayar cukai taksiran daripada seluruh Semenanjung Malaysia membuat semakan dan sekaligus membuat bayaran secara atas talian tunggal. Pemilik harta di mana-mana PBT boleh membuat bayaran cukai taksiran secara pukal berbanding secara berasingan seperti yang dilaksanakan sebelum ini.

PBTPay UTAMA SEMAK BIL SENARAI PBT [Masuk](#)

COVID-19
Perintah Kawalan Pergerakan
Rakyat diminta bersabar dan patuh kepada arahan kerajaan demi keselamatan diri dan keluarga.
Setiap transaksi yang telah dibuat di PBTPay dalam tempoh PKP berkemungkinan akan levat dikemaskini oleh PBT, atau akan dikemaskini oleh PBT selepas tempoh PKP berakhir. Kesulitan amat dikesal.
#DudukRumah #StayAt-home #PulaukanRantaian

Kini buat pembayaran di PBT lebih mudah

PBTPay adalah sebuah portal pembayaran sepejabat rasmi bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dibangunkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

[Daftar Sekarang](#) [WATCH VIDEO](#)

Semak Bil
Silalah masukkan No. MyKad untuk membuat semakan.
No. MyKad : *

 Saya setuju dengan [Terma & Syarat](#)
[Semak](#)
Semakan Terperinci

Pembangunan portal ini sejajar dengan inisiatif kerajaan ke arah *counterless* dan ia juga turut menyumbang kepada penyelesaian risiko jangkitan COVID-19 di mana rakyat tidak digalakkan untuk keluar rumah dan boleh melaksanakan urusan secara atas talian (online). Pelancaran PBTPay amat tepat pada masanya kerana ini merupakan sebahagian daripada norma baharu dalam kehidupan masa kini selain dapat menjimatkan kos kerana orang ramai boleh melaksanakan transaksi tanpa terhad kepada waktu pejabat.

Projek PBTPay ini telah dan akan dibangunkan secara berfasa melibatkan proses libat urus dan pewujudan *Application Programming Interface* (API) di PBT. Fasa tersebut adalah:

- Fasa 1: Selesai dan telah melibatkan sebanyak 46 buah PBT di Semenanjung Malaysia) dan telah go live pada 15 Januari 2020.

- Fasa 2: Telah bermula pada Februari 2020 - Disember 2020 (dijangka baki 57 daripada 103 buah PBT di Semenanjung Malaysia akan menggunakan PBTPay iaitu semua 99 buah PBT di Semenanjung Malaysia dan termasuk 4 buah PBT bertaraf PBT hybrid)

PBTPay dijangka akan digunakan oleh semua PBT bagi kemudahan bayaran cukai taksiran secara individu atau pukal. Modul PBTPay juga akan diperluaskan kepada lain-lain modul pembayaran seperti kompaun, lesen dan lain-lain sistem di KPKT yang menggunakan kaedah pembayaran secara bersepadu.

PBTPay juga merupakan salah satu elemen dalam inisiatif City Gateway@KPKT yang sedang dibangunkan bagi merangkumi semua perkhidmatan KPKT yang berkait rapat dengan orang ramai.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat